

13 AUG 2002

DR MAHATHIR: M'SIA ADA CARA TANGANI PENCEROBOHAN NEGARA LUAR

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata jika Amerika Syarikat (AS) bertindak menghantar komandonya ke negara ini kononnya untuk menangkap anggota kumpulan Al-Qaeda, perbuatan itu akan dianggap sebagai satu pencerobohan.

Perdana Menteri berkata Malaysia mempunyai caranya sendiri untuk menangani sebarang pencerobohan oleh mana-mana negara sekalipun.

"Kita akan anggap, kalau (mereka) datang ke negara kita, sebagai satu pencerobohan," katanya pada sidang berita selepas melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman di sini.

Beliau mengulas laporan akhbar yang menyebut AS bercadang menghantar anggota komandonya ke mana-mana negara untuk menangkap atau membunuh pemimpin Al-Qaeda yang disyaki berada di negara berkenaan.

Laporan yang memetik akhbar New York Times itu menyebut antara lain bahawa dalam menjayakan rancangan itu, Washington tidak perlu memberitahu negara tempat tinggal bakal mangsanya mengenai operasi berkenaan.

Kumpulan Al-Qaeda dikaitkan dengan jutawan Arab Saudi, Osama bin Laden yang dituduh Washington sebagai suspek utama dalam kejadian serangan maut terhadap bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington 11 Sept tahun lepas.

-- BERNAMA
MAM AHH NMO